



### **Abdul Ghani kecewa sikap penduduk BBU**

Baru-baru ini bertempat di Bandar Baru UDA semasa diadakan Kempen Pencegahan Nyamuk Aedes, Dato' Ghani Othman Menteri Besar Johor begitu kecewa dengan sebilangan besar penduduk Bandar Baru UDA yang tidak memberikan kerjasama kepada kejayaan kempen ini yang diusahakan oleh Kerajaan Johor dan agensi-agensi lainnya.

Apa tak kecewanya apabila semburan foam hendak dilakukan kebanyakan dari penduduk "Melayu Sederhana UDA" langsung tak mahu membuka pintu dan sebagainya. Alasannya, kerana semburan itu menggunakan minyak maka taku ruang rumah, perabut dan sebagainya berminyak dan kotor.

Kalau dikatakan BBU sarang nyamuk aedes memang ada kebenarannya. Ini disebabkan kebanyakan rumah Melayu Sederhana ini memiliki pelbagai hiasan air seperti kolam ikan dan sebagainya yang menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Kalau mereka yang digigit dan mati tidak hairanlah tetapi yang menjadi mangsa adalah penduduk sekitar kawasan BBU.

Yang lebih menghairankan, sebilangan besar dari penduduk Melayu Sederhana ini merupakan mereka yang berjawatan Kelas Satu dalam Kerajaan seperti Wakil Rakyat, Ahli Majlis, Pemimpin UMNO/BN. Yang lebih mendukacitakan ialah mereka berpelajaran dan merupakan pemimpin masyarakat. Ini yang menyebabkan MBJ itu begitu kecewa dengan mereka kerana dalam usaha Kerajaan bersungguh-sungguh menjalankan kempen membasmi nyamuk aedes, masih ada lagi pemimpin-pemimpin yang mengambil sikap sambil lewa.

Yang jelas BBU masih lagi No: 1 tempat pembiakan nyamuk aedes dalam Bandaraya Johor Bahru. Sesungguhnya ia amat memalukan rakyat Johor dan tidak sepatutnya BBU dijadikan Bandar Perumahan Contoh yang boleh dibanggakan seperti Bangsar.